

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]
TARIKH : 7 MAC 2017
SOALAN :

YB Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan projek perintis suntikan mikro organisma *Wolbachia* ke dalam telur nyamuk *Aedes aegypti* yang dikatakan dapat mencegah penularan wabak denggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan virus denggi kepada manusia boleh disekat melalui suntikan *Wolbachia* ke dalam telur nyamuk *Aedes*. Virus denggi tidak boleh hidup dalam *Aedes* ber*Wolbachia*. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap kaedah inovatif ini akan dapat mengawal bilangan kes denggi.

Dalam projek printis ini, nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* akan dilepaskan di kawasan 'hotspot'. Nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* ini akan mengawan dengan nyamuk *Aedes* liar setempat dan menghasilkan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia*.

Sehingga Januari 2017, terdapat Sembilan (9) buah negara (Australia, Brazil, China, Colombia, French Polynesia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Vietnam) telah menggunakan dan mengkaji kaedah *Aedes* ber*Wolbachia* sebagai salah satu kaedah mengawal denggi.